

26/06/2002

Rakyat beri reaksi positif

KUALA LUMPUR, Selasa - Keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas Oktober 2003 dan pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti mendapat reaksi positif rakyat.

Mereka menganggap perubahan dalam struktur kepemimpinan negara yang bakal dilalui sebagai cabaran kerana negara akan kehilangan pemimpin yang sukar dicari ganti.

Bagaimanapun, mereka menyuarakan keyakinan terhadap kepemimpinan Abdullah sama ada pada peringkat negara, Umno dan Barisan Nasional (BN).

Pegawai bank, Zulkefle Mohamad, 30, berkata keputusan Dr Mahathir meletak jawatan perlu dihormati kerana beliau juga perlu masa untuk berehat.

"Pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri pula memang wajar dan saya yakin beliau akan membuktikan kemampuannya apabila menjalankan tanggungjawab itu nanti," katanya.

Kontraktor, Lau Teck Soo, 59, pula menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin negara yang sukar dicari ganti.

"Dr Mahathir bijak dalam bidang ekonomi, terutama ketika negara menghadapi kemelesetan ekonomi pada 1980-an dan 1990-an.

"Malah, hanya kerana ucapannya pada Sabtu lalu, indeks saham negara menunjukkan kejatuhan mendadak sehingga hari ini. Ini menunjukkan pengaruhnya terhadap ekonomi negara," katanya.

Kakitangan kerajaan, Junainah Abdon, 44, berpendapat tindakan Dr Mahathir itu memberi peluang kepada pemimpin lain menyumbang bakti untuk pembangunan negara.

"Sebagai manusia, dia juga perlukan masa untuk berehat, terutama selepas lebih 20 tahun berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.

"Tindakan berundur ketika berada pada kemuncak membuatnya dihormati dan jasanya dikenang semua pihak," katanya.

Pengawal keselamatan, Suaran Singh, 54, berpendapat, keputusan Dr Mahathir mungkin berpunca daripada kesihatannya yang tidak mengizinkan.

"Semua pihak perlu hormati keputusan Dr Mahathir untuk berundur. Mungkin dia perlukan masa untuk berehat kerana kesihatannya tidak mengizinkan, lebih-lebih lagi usianya akan menjangkau 80 tahun beberapa tahun lagi," katanya.

(END)